

# Siti pantang dengar derma darah

KOSMO 31/07/08 PG-14

Oleh NORAINI GHANI  
berita@kosmo.com.my

**KUALA TERENGGANU** -  
"Saya pantang mendengar ada program derma darah".

Perasaan teruja itu sering dirasai Siti Syuhada Halim, 21, pelajar Sains Biologi Universiti Malaysia Terengganu (UMT) yang sudah tujuh kali mendermakan darahnya.

Katanya, setiap kali mengetahui program berkenaan diadakan, pasti Siti Syuhada adalah antara orang yang tidak akan melepaskan peluang keemasan itu walaupun ketika beliau berpuasa.

"Mak dan ayah bagi motivasi kepada saya, mereka pesan jika tolong orang, hati akan jadi tenang. Saya tiada wang ringgit untuk didermakan, hanya darah saja yang ada," katanya.

Ketika ditemui pada Program Derma Darah Perdana Institusi Pengajian Tinggi Awam di UMT semalam, gadis ini menyatakan tidak pernah menyesal kerana tidak lagi boleh menjamah makanan sesuka hati.

Katanya, dengan cara itu beliau terasa lebih sihat dan sudah terbiasa dengan tidak memakan makanan yang tidak



**SITI SYUHADA** menunjukkan sijil-sijil derma darah yang diterima selepas beberapa kali menderma darah di Kuala Terengganu semalam.

menyihatkan.

"Setiap kali melihat makanan, saya terpaksa memalingkan muka dan memikirkan me-

ngenai kegemukan.

"Saya juga terpaksa menahan nafsu makan, takut gemuk ada kawan saya sudah gemuk

kerana dia tidak dapat menahan nafsu makannya setelah mendermakan darahnya baru-baru ini," katanya.